

Ulasan Teknik Oswald Spengler

Oleh : Syamil Shakir

Oswald Spengler, seorang filsuf Jerman yang agak kurang ternama berbanding Heidegger dalam kritiknya terhadap teknologi. Beliau malah dikenali sebagai seorang guru yang pesimis, melabelkan sikap optimistik itu sikap manusia yang pengecut. Di sebalik kekurangan status akademik, Spengler merupakan sosok yang mempunyai gagasan yang tersendiri. Beliau menghabiskan kariernya dalam pengkajian terhadap sejarah dan asal usul manusia, cukup dikenali melalui karya *Decline of the West*. Makalah ini cuba menelusuri kritikan beliau secara umum terhadap teknologi melalui penulisannya, *Manusia dan Teknik/Man and Technics/Der Mensch und die Technik*.

Manusia dan Teknik ditulis sebagai hujahan balas terhadap tuduhan tentuisme sejarah/historical determinism dan pesimisme budaya/cultural pessimism dalam pemanfaatan teknologi dalam kehidupan seperti yang dipaparkan dalam *Decline of The West*. Teknik, sewajarnya bukannya dalam unsur konkrit yang biasanya difahami tetapi lebih ditanggapi sebagai tekanan budaya/cultural force dan metafizik berbeza/distinctive metaphysical. Kandungan teknik secara uniknya terhubung dengan jiwa manusia. Spengler berbeza dengan sosok-sosok lain, memberi amaran berkenaan penggunaan teknologi secara ghairah membawa kepada penyerahan kemanusiaan kepada teknik. Manusia dan Teknik ditulis untuk mendedahkan kandungan teknik dan menjelaskan kesannya terhadap budaya dan kemanusiaan. Di bawah kekuasaan parti Nazi, Spengler melihat penggunaan teknologi sebagai kawalan politik. Bagi Spengler, teknik bukanlah sekadar jentera yang sifatnya mekanikal mahukan elektrik. Dia bersikap kritis terhadap golongan yang menganggap teknik sekadar penglibatan jentera dan tujuan asal bagi teknik adalah unsur utilitariannya. Spengler juga dengan beraninya menyoal “Apakah signifikannya teknik? Apakah makna di sebalik sejarah? Apakah maknanya dalam hidup? Di manakah kedudukan teknik dalam metafizik?”

Spengler mengelaskan teknik sebagai pemaksaan metafizik monisti yang membawa seluruh kehidupan ke arah percubaan mendominasi satu sama lain. Teknik secara sendirinya tidak sekadar hadir sebagai suatu entiti/makhluk, tetapi sebagai suatu galakan/endowment terhadap sikap superioriti. Saling melengkapi antara teknik dan jiwa manusia membawa ke arah pembentukan tekanan agonistik dan dinamik berupa aktif, melawan and terkesan/active, spirit, charged. Jiwa manusia tidak pernah puas akan

kandungan teknik Jiwa manusia hanya dapat mencapai kepuasan tertinggi melalui penciptaan dan transformasi ciptaan teknik-teknik secara berterusan. Spengler menekankan dalam kehidupan kini yang menyaksikan pertembungan antara manusia dan alam tabi'e dengan kebolehan-kebolehan teknik yang luar biasa enjin stim, kimia dan elektrik membolehkan manusia menukarkan wajah alam tabi'e. Pertembungan ini menurutnya bukanlah sekadar satu antagonisme biasa, tetapi lebih merupakan antagonisme yang sedia wujud. Manusia dan alam tabi'e merupakan manifestasi teknik, kedua-duanya sudah sedia kala merupakan musuh antara satu sama lain.

Penggunaan contoh budaya Faustian, seperti dalam karya Goethe, merupakan manifestasi penyerahan diri manusia terhadap teknik. Spengler juga menjelaskan bahawa kehadiran teknik memandu pemikiran manusia ke arah subjek mekanistik yang berkitar ke arah kuasa kuda, air terjun sebagai janakuasa elektrik dan haiwan ternakan sebagai sumber eksploitasi sumber makanan. Teknologi menjadi asas kepada penerokaan alam tabi'e sehingga membuka peluang-peluang seperti air terjun dijadikan empangan, hutan ditebang dan lombong digali. Heidegger, melihat teknik sebagai suatu cara mendedahkan alam tabi'e, sebagai suatu sumber fizikal dan biologikal yang ada untuk dieksploitasi oleh manusia. Berbanding dengan Heidegger yang menggambarkan teknologi merupakan takdir yang tidak dapat dielakkan di dalam sejarah makhluk, Spengler cenderung untuk kurang tentuistik tetapi dia masih menganggap teknik merupakan suatu unsur kuasa metafizik. Pilihan Achilles- hidup yang pendek tetapi penuh dengan kegemilangan ataupun hidup yang panjang tetapi tiada makna merupakan takdir dalam kehidupan manusia, dan sudah tentunya Spengler memilih pilihan yang pertama.

Spengler pada awalnya berhujah bahawa budaya merupakan medium utama untuk memahami agama, politik, seni dan teknologi. Kemudian, Spengler mengenal pasti budaya sebagai suatu teknik, dan mahu menyerasikannya dengan tradisi Jerman. Dalam tafsiran baru ini, budaya merupakan suatu manifestasi teknik. Kuasa metafizik inilah yang merangsang kebangkitan seni, politik dan jentera. Teknik merupakan sesuatu yang dapat dimanfaatkan, dikawal dan diarahkan oleh daya kreativiti manusia. Ia merupakan suatu penilaian semula nilai dalam fahaman Nietzsche. Spengler pula menghuraikan teknik sebagai taktik kehidupan. Spengler turut menekankan yang matlamat teknik bukanlah seperti yang difahami dalam bentuk kuasa kuda ataupun kapasiti mekanikalnya. Spengler turut mencemuh unsur-unsur yang terangkum dalam ekonomi dan kapitalisme dengan menggelarnya “pertembungan antara tradisi dan wang”

Longgokan aktiviti berorientasikan teknologi bukan merupakan gambaran teknik yang sebenar. Kepentingan teknik kekal dalam reka bentuk dan merealisasikan reka bentuk agung/grand design. Ini sentiasa dimaknai melalui aktiviti dengan tujuan tertentu/purposive activity, bukan dengan kebendaan. Selagi mana manusia Faustian bersikap produktif dan kreatif, jiwanya akan sentiasa bergelora dan tidak pernah berpuas hati. Spengler memberi amaran dengan melupakan matlamat utama teknik adalah aktiviti dan bukannya kebendaan akan membawa kepada kekecewaan yang tidak terelakkan. Teknologi tidak wajar dilihat sebagai jalan ke arah penguasaan tetapi sebagai bantuan dalam menjalani kehidupan yang sentiasa berubah di luar kawalan manusia. Teknologi, seperti yang digambarkan, terlekat dalam kehidupan sekaligus membentuk semula kehidupan manusia.

Teknik memanifestasikan dirinya di dalam institusi politik, sistem ekonomi, artistik dan kejenteraan dan kejuruteraan. Tetapi manifestasi tersebut bukanlah suatu nilai itu sendiri. Jiwa manusia hanya menyedari akan potensi dirinya apabila memenuhi keadaan tertentu. Manusia mesti sentiasa berhadapan dengan aktiviti yang kreatif dan transformatif – sama ada dalam peperangan, pertanian mahupun dalam industri. Spengler turut membahaskan dua pilihan yang ada – mangsa menentang pemangsa – iaitu sama ada memilih untuk memilih nasib sendiri atau untuk membiarkannya ditentukan. Pematerialan, intelektualisme and kemuraman budaya adalah tanda-tanda ke arah menjadi mangsa.

Spengler berhasrat menjadikan Manusia dan Teknik sebagai penyatuan antara keduanya. Ujarnya, teknik dalam kehidupan manusia merupakan suatu kesedaran, arbitrari, boleh diubahsuai, personal dan berdaya cipta. Ia sesuatu yang dapat dipelajari dan diperbaiki. Manusia menjadi pencipta kepada taktik kehidupannya – juga terhadap keagungan dan malapetaka dirinya sendiri. Sesuai dengan perenggan terakhir Manusia dan Teknik, kita seperti ditakdirkan untuk mati seperti tentera Roman di hadapan gerbang Pompei. Ini merupakan suatu keagungan yang tidak dapat dirampas daripada diri manusia sendiri.

Rujukan

1. Man and Technics (A Contribution To A Philosophy of Life) – Oswald Spengler
2. Oswald Spengler, Technology and Human Nature – Ian James Kidd